

1

ADELIA SAFFYA bangun dari baringnya, dan duduk termangu di birai katil. Hatinya tidak gembira dengan keputusan yang dibuatnya sendiri pagi itu. Keputusannya yang ponteng kelas dan mahu melepak seharian di rumah sewa. Perlahan, Adelia bangun menuju ke arah almari pakaian, di mana tergantung tuala di luarnya. Tuala berwarna merah menyala itu ditarik lembut.

Adelia membuka pintu bilik. Suasana di luar bilik telah sunyi sepi. Tentunya rakan-rakan serumah Adelia seramai lima orang itu telah keluar rumah menuju ke kampus. Adelia tidak terus ke bilik air, sebaliknya berjalan menuju ke dapur. Dia menikmati air soya yang baru diambilnya dari peti ais. Kemudian dia menuju ke bilik air.

“Busuknya! Nasib baik tak ada suami. Kalau tak tentu suami pun lari.” Adelia berkata seorang diri.

Air paip yang membasahi tubuh Adelia membangkitkan kesegaran, sekaligus mencergaskan fizikal gadis kecil molek itu. Wangian mandian Lifebuoy beraroma *lemon fresh* berjaya menyegarkan kembali tubuh Adelia yang layu tidak bermaya. Selesai mandi, Adelia keluar dari bilik air.

“Eh, kau tak pergi kelas?” Anita menegur Adelia kasar.

“Aku pening sikit. Apa hal kau balik awal pula?”

Adelia bertanya Anita kembali.

“Aku malas hari ni. Tapi kelas tutorial petang nanti aku pergi balik.” Anita menjawab sambil berjalan menuju ke biliknya.

Adelia masuk ke dalam bilik. Setelah lengkap berpakaian, Adelia mengenakan mekap yang agak tebal seperti selalu. Adelia memandang lagi wajahnya di cermin. Adelia tersenyum pahit. Baru kini dia menyedari perbezaan wajahnya daripada Datin Hanim. Rupa-rupanya wanita yang dipanggil mama oleh Adelia untuk sekian lama itu, bukanlah ibu kandungnya yang sebenar.

Adelia kembali duduk di birai katil. Hasratnya untuk keluar mencari makanan terbantut. Kepala Adelia kembali berserabut dan tidak tenteram. Setakat ini tiada siapa yang tahu statusnya yang hanya anak angkat kepada Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal.

Perut Adelia terasa perit. Sejak petang semalam, Adelia tidak menjamah apa-apa makanan. Hatinya tidak tenteram sejak mendengar pengakuan jujur Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal. Adelia tidak pasti sama ada mahu marah terhadap Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal yang merahsiakan perkara tersebut atau tidak. Ataupun mahu menyalahkan takdir hidupnya.

Adelia memandang sepi telefon bimbit di atas meja. Sejak semalam, Adelia mematikan telefon bimbitnya. Biarlah mama kekalutan menelefonnya, biarlah *daddy*nya resah memikirkannya, Abang Suffian kebimbangan memikirkannya, dan Mikhael tercari-cari akan dirinya di kampus.

Ibu kandung? Adelia baru tersedar, perkataan ibu kandung yang keluar dari mulut mamanya petang

semalam.

"Ibu kandung adik, nak jumpa adik sangat. Mama minta maaf, sayang. Mama tak berniat tipu adik."

Perlahan air mata Adelia menitis. Perasaan sedih dan terharu menguasai segenap ruang hatinya. Hatinya begitu kuat untuk mengetahui gerangan ibu kandungnya dan menerima penjelasan tentang alasan dirinya diserahkan kepada orang lain.

Air mata yang menitis di pipi dikesat perlahan. Perutnya semakin perit. Adelia mengambil keputusan untuk keluar membeli makanan. Tiba di ruang tamu, loceng rumah berbunyi.

"Siapa pula yang lupa bawa kunci rumah ni?" Adelia merungut seorang diri. Pintu apartmen dibuka. Haykal Suffian tersenyum manis di luar gril.

"Kenapa abang datang? Mama yang suruh?" Adelia bertanya kepada Suffian sambil membuka mangga yang tersangkut pada gril.

"*Ekh*, jumpa adik pun dah tak boleh? Dahlah *call* berpuluh kali tak dapat. Mama dan *daddy* risau tu." Suffian menjawab perlahan.

Setelah mengunci pintu dan gril rumah, Adelia berjalan menuju ke arah lif tanpa mempedulikan Suffian. Langkah Suffian laju menuruti langkah Adelia yang pantas. Mereka berdua masuk ke dalam perut lif. Di dalam lif, Adelia diam seribu bahasa.

"Orang tu tak cantik tau, kalau marah." Suffian memecah kesunyian di dalam lif. Adelia tetap membisu.

Pintu lif terbuka. Adelia bergerak pantas mencari keretanya. Langkahnya terhenti seketika memikirkan di

mana dirinya meletakkan kereta semalam. Suffian yang memerhatikan tingkah laku Adelia itu, sekadar tersenyum.

“Lupa letak kereta *ekh?*” Suffian ketawa. Adelia tidak menjawab, hanya membiarkan soalan itu. Suffian mendekati Adelia.

“Jom naik kereta abang. Mesti belum *lunch* ni.” Suffian berkata sambil menarik tangan Adelia. Adelia menepis lembut tangan Suffian.

“Abang lupa yang adik sebenarnya bukan adik abang?” Adelia bertanya perlahan. Sejurus itu, air mata Adelia mengalir. Suffian terkaku, tidak tahu bagaimana untuk memujuk Adelia. Suffian membiarkan sahaja sehingga tangisan Adelia reda.

“Abang, adik lapar.” Adelia berkata setelah mengesat air matanya. Suffian tersenyum lebar, gembira mendengar kata-kata Adelia.

“Kita makan? Adik nak makan apa ni?” Kasih sayang yang menggunung tinggi untuk Adelia jelas terpancar di dalam diri Suffian.

“Makan hati!” Adelia mengeluarkan kata-kata tanpa perasaan sambil berjalan beriringan bersama Suffian menuju ke kereta. Suffian tidak menjawab kata-kata Adelia, sebaliknya menekan alat kawalan jauh keretanya. Suffian membukakan pintu kereta untuk Adelia.

“Abang masih sayangkan adik? Adik bukan adik abang!” Adelia memandang wajah Suffian. Terasa benar hubungan mereka akan berubah setelah Adelia mengetahui kebenaran tentang dirinya.

Suffian tidak menjawab pertanyaan Adelia, sebaliknya memakai tali pinggang keledar di pinggang dan memulakan pemanduannya. Melihat Suffian tidak

mengendahkan pertanyaannya, hati Adelia semakin tidak keruan kerana memikirkan satu-satunya saudaranya, lelaki yang dianggap abang kandungnya akan berhenti menyayanginya. Sungguh Adelia tidak akan mampu menerima hakikat tersebut.

Suffian memandu penuh cermat membelok ke kawasan elit di Kota Damansara.

Mama tentu gembira apabila dirinya berjaya membawa pulang puteri kesayangan keluarga ke rumah. Suffian tersenyum sendiri.

“Mama tentu masak sedap untuk kita hari ni. Adik lapar kan?” Suara Suffian lembut menguasai ruang kereta.

Adelia diam membisu. Gilirannya pula tidak mengendahkan kata-kata Suffian. Kereta memasuki pekarangan banglo kepunyaan Datuk Aman Zainal dan Datin Hanim.

Entah mengapa Adelia merasakan banglo tersebut begitu asing baginya sedangkan dirinya membesar di situ. Seawal ingatannya, laman banglo yang dilitupi rumput menghijau itu ialah tempat permainannya bersama Abang Suffian sewaktu kecil. Kolam mandi yang berada di tepi laman menghijau itu pula, tempat Abang Suffian berenang pada waktu malam, manakala Adelia menemaninya sambil membaca novel. Ah, semuanya kini tinggal kenangan. Keakraban Adelia dan Abang Suffian pasti ada batasnya kini.

Adelia merintih pilu dalam hati. Pintu kereta dibuka dari luar. Adelia terkejut.

“Puteri abang tak nak keluar ke? Mama dah tunggu tu!”

Adelia membuntuti Suffian masuk ke dalam banglo. Datin Hanim menyambut Adelia di ruang tamu. Datin Hanim cantik bergaya mengenakan blaus dan skirt kembang yang sedondon warnanya. Rambut Datin Hanim masih cantik, mengurai cantik di paras bahu. Hati Adelia semakin pilu, menyedari perempuan cantik dan penyayang di depannya itu bukanlah ibu kandungnya.

Datin Hanim meluru lantas memeluk Adelia. Adelia terkejut dengan tindakan Datin Hanim itu, sementara Suffian tersenyum meleret melihatnya.

“Adik jangan buat macam ni lagi. Terus balik rumah tak jawab *call*. Dah tak sayang mama? *Daddy? Abang?*” Datin Hanim tanya bertalu-talu.

Air mata Datin Hanim mula menitis. Adelia hanya kaku di dalam pelukan Datin Hanim. Suffian agak resah memandangkan perutnya telah berkeroncong dan dia perlu segera pulang ke pejabat, meskipun sepatutnya dia tidak perlu ambil kira tentang itu memandangkan dia bekerja di syarikat milik *daddy*nya sendiri, Datuk Aman Zainal.

“Mama, adik lapar tu. Sejak semalam tak makan lagi.” Suffian mengejutkan Datin Hanim yang masih memeluk Adelia. Datin Hanim meleraikan pelukannya ke atas Adelia.

“Jom, kita makan. Mama masak masakan kesukaan adik. Ayam masak merah.”

Datin Hanim menarik tangan Adelia menuju ke ruang makan. Di ruang makan, kelihatan Tuminah sibuk mencedok nasi ke dalam pinggan. Tuminah tersenyum menyambut ketibaan tiga beranak yang kembali bersatu itu.

“*Bik* masak apa hari ni? Tak sedap saya hantar *bik* balik Surabaya!” Suffian menarik kerusi untuk duduk.

“Tuan Suffian ni ada-ada saja. Bukan *bik* yang masak. Tu Datinnya yang masak. Ya sana, *antaran* aja Datin ke Surabaya kalau enggak sedap.” Tuminah membalas usikan Suffian. Suffian ketawa, diikuti Datin Hanim dan Adelia.

“Saya minta maaf ya Datin, gurau saja.” Tuminah berkata sambil berlalu meninggalkan ruang makan. Suffian yang sememangnya lapar, dengan pantas mengambil ayam masak merah masakan Datin Hanim dan mula menjamah hidangan tengah harinya.

“Fian, adik tu nak biar saja makan nasi kosong?” Datin Hanim bertanya tiba-tiba.

Suffian tersentak, sayur campur yang sedang diambalnya terus diletakkan di pinggan Adelia. Selepas itu, seketul ayam masak merah juga diletakkan di dalam pinggan Adelia.

“Sotong nak tak?” Suffian memandang wajah adik kesayangannya. Adelia menggelengkan kepala.

“Apa lagi, makanlah. Penat mama masak tadi tau. Kalau harapkan *bibik*, hari-hari tempe goreng.”

Datin Hanim memandang dua orang anak kesayangannya. Adelia mencapai sudu dan garpu, lalu mula menjamah hidangannya. Masakan mamanya itu memang sedap, tetapi hati Adelia masih rawan, memikirkan nasib hidupnya. Dapatkah dirinya merasa masakan Datin Hanim seperti selalu setelah satu keluarga mengetahui hakikat yang sebenar tentang dirinya?

“Abang hantar adik balik malam nanti tau. Tunggu abang balik. Jangan balik sorang-sorang ambil teksi.”

Suffian meletakkan sudu dan garpunya di

pinggan, bangun dari kerusi lalu menyalami Datin Hanim.

“Abang balik ofis kejap. Tunggu abang balik!” Suffian mengingatkan Adelia sekali lagi sebelum meninggalkan ruang makan.

Datin Hanim tersenyum penuh makna melihat kasih sayang yang tidak bertepi Suffian terhadap adiknya itu. Datin Hanim mengambil gelas minuman berisi air berperisa oren, lalu diminumnya. Datin Hanim meletakkan gelas minumannya kembali.

“Adik marahkan mama?” Datin Hanim memandang wajah Adelia penuh mesra. Adelia tidak menjawab, sebaliknya hanya menggelengkan kepala.

“Mama minta maaf kerana merahsiakan hal ini daripada adik. Mama sayangkan adik, dan tak mahu adik berjauh hati atau meragui kasih sayang mama setelah mengetahui kedudukan adik. Maafkanlah mama, *daddy* dan Abang Suffian.” Datin Hanim menanti balasan kata-kata daripada Adelia.

“Apa perlu adik lakukan, mama? Adik keliru! Mama mahu adik kembali ke pangkuan keluarga sebenar adik?”

Datin Hanim terkejut dengan kata-kata Adelia.

“Tidak, sayang. Ibu kandung adik hanya mahu berjumpa adik, mengenali adik. Itu sahaja. Adik tetap anak mama, anak *daddy* dan adik Abang Suffian. Jumpalah ibu kandung adik. Sayangilah dia sepertimana adik menyayangi mama. Mungkin dia ada alasan kukuh melepaskan adik kepada mama dan *daddy*.” Datin Hanim berkata panjang lebar.

Adelia menahan air matanya yang cuba keluar sebaik mungkin. Adelia sedar, jika air matanya gugur,

bagaimana nanti keadaan Datin Hanim. Orang yang paling risau akan kehilangan dirinya di dalam keluarga itu tentunya Datin Hanim.

Adelia membuka perlahan pintu biliknya. Bilik mewah tentunya, memandangkan dirinya merupakan anak bongsu kepada Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal. Bilik yang dilengkapi pendingin udara, bilik air, peti televisyen, almari pakaian yang luas, meja solek, meja belajar dan sebuah katil bersaiz *king* itu dilihatnya sayu. Sungguh Adelia merasakan dirinya tidak layak untuk memiliki bilik secantik itu. Adelia mula menyedari siapa dirinya yang sebenar. Adelia perlu bersedia menghadapi pelbagai kemungkinan, terutamanya kemungkinan untuk meninggalkan bilik dan banglo yang dihuninya itu.

Adelia membaringkan badannya di atas katil. Mungkin juga katil tersebut akan ditinggalkan untuk selama-lamanya. Hati Adelia benar-benar dipagut rasa pilu. Tumpuan otaknya kini ligat memikirkan siapa sebenarnya ibu kandungnya. Mengapa perlu dirinya diserahkan kepada keluarga angkat? Mengapa? Siapa dia? Berapa orang adik-beradiknya? Siapa pula ayah kandungnya? Di dalam keserabutan fikirannya itu, Adelia terlelap.

PETANG ITU, Suffian mendahului Datuk Aman Zainal untuk pulang. Suffian menolak pintu bilik Adelia perlahan. Suffian melihat Adelia terlena sambil memeluk *teddy bear* berwarna merah jambu pemberiannya.

Suffian berjalan perlahan mendekati Adelia. Hati Suffian tiba-tiba sayu. Takut benar Suffian jika Adelia

mengambil keputusan meninggalkan keluarga. Fikiran waras Suffian tiba-tiba berfikir ligat, menyedari tindakannya yang masuk ke bilik adik angkatnya itu ternyata salah. Suffian dengan cepat keluar dari bilik dan menutup pintu bilik dengan perlahan. Di luar pintu, Datin Hanim memandang Suffian yang kekalutan.

“Adik tidur, mama. Mama tolong gerak. Dah nak maghrib ni!” Suffian berkata laju menyembunyikan kekalutannya. Datin Hanim tersenyum tipis.

“Fian tau, Fian tak boleh rapat macam dulu lagi kan dengan adik? Lebih-lebih lagi lepas adik tau siapa dirinya?” Datin Hanim bertanya lembut. Suffian mengangguk.

“Maafkan Fian, mama. Mama kan tau, Fian sayangkan adik macam mana? Fian tak akan masuk bilik adik lagi. Tadi, Fian ingat nak kejutkan adik saja! Fian tak buat apa-apa, mama.” Suffian memberi penerangan agak panjang kepada Datin Hanim.

“Mama tau. Mama cuma nak ingatkan Fian. Adelia bukan adik Fian. Mama harap, Fian faham maksud mama.”

Datin Hanim masuk ke dalam bilik Adelia. Satu-satunya anak perempuannya sedang lena sambil memeluk *teddy bear* berwarna merah jambu. Seingat Datin Hanim, *teddy bear* tersebut merupakan pemberian daripada Suffian. Bagi Datin Hanim, Suffian sememangnya menyayangi adiknya itu, walaupun Suffian menyedarinya dari dulu, Adelia bukan adik kandungnya. Datin Hanim merapati katil Adelia.

“Adik, bangun. Dah nak maghrib ni! Ni mesti terlepas solat asar juga.” Datin Hanim berkata perlahan.

Adelia membuka matanya.

“Pukul berapa ni, mama?”

“Dekat pukul tujuh dah! Cepat mandi. Lepas tu solat maghrib. Nak balik rumah sewa kan? Esok ada kelas?” Datin Hanim berkata seolah-olah memberi arahan. Adelia bangun dan duduk di katilnya.

“Maafkan adik, mama. Adik mandi sekarang. Eh, abang dah balik? Abang janji nak hantar adik balik tadi.” Adelia berkata laju.

“Dah, nanti lepas maghrib, abang hantar adik. Cepat mandi. Busuknya anak dara mama ni!” Datin Hanim ketawa.

“Mama ni!” Adelia turut ketawa.

Datin Hanim keluar dari bilik Adelia, sementara Adelia masuk ke bilik air.

Selesai menunaikan solat maghrib, Adelia turun ke ruang tamu mencari Suffian.

“Mana abang ni? Esok ada kelas pukul lapan pagi ni.” Adelia merungut seorang diri. Tuminah muncul di ruang tamu, mencari-cari seseorang.

“Mana abangnya? Tuan Suffian? *Bik* dah siapkan makan malam. Datin dan Datuk juga mana?”

Tuminah menagih jawapan daripada Adelia. Adelia sekadar mengangkat bahu. Tuminah berjalan pantas ke tingkat atas mencari Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal.

Adelia tersenyum melihat kelibat Suffian di tepi kolam renang. Suffian sedang bercakap di telefon bimbit. Adelia berjalan perlahan mendekati Suffian. Setelah pasti Suffian sudah mengakhiri perbualannya di telefon, Adelia

sengaja batuk di sisi Suffian. Suffian menoleh serta-merta.

“Abang tak dating dengan Kak Amanda?” Adelia bertanya nakal.

“Curi dengar ya? Ni mana Mikhael ni?” Suffian menjawab pertanyaan Adelia dengan pertanyaan juga.

“Entah. *Phone off* sejak semalam. Keluar dengan perempuan lain kut!” Adelia menjawab sempoi.

Tiba-tiba Adelia teringatkan lelaki yang bergelar kekasihnya itu. Bagaimana penerimaan Mikhael sekiranya dia mengetahui rahsia besar hidupnya itu? Dirinya bukan anak Datuk yang Mikhael sangkakan selama ini.

“Diam pula? Kalau Mikhael ada perempuan lain betul-betul, baru tau!”

“Solo la. Mungkin ada putera raja untuk adik yang entah dari mana asal keturunan ni. Siapa tau.” Adelia menjawab dengan nada sebak. Suffian kurang senang dengan kata-kata Adelia.

“Adik! Abang tak suka adik cakap macam ni. Ha, balik sorang-soranglah. Mengada-ada sangat!” Suffian menduga adik kesayangannya itu. Tuminah datang menghampiri dua beradik yang sedang berbicara itu.

“Datuk dan Datin panggil. Uдах sejuk nanti sup ayam *bik* bikin. Aduh, Cik Adelia ni. Macam-macam. Bikin *bik* juga sedih saja.” Tuminah mencelah, dan kini mangsanya Adelia pula.

“Kenapa dengan saya, *bik*? Kan saya memang tak makan malam. *Bik* la makan. Saya nak balik. Abang, adik balik dulu.” Adelia berjalan meninggalkan Suffian dan Tuminah.

Suffian bergerak pantas mengejar Adelia.

"Teman mama, *daddy*, dan abang *dinner* dulu. Lepas tu abang hantar balik. Isy-isy, makin manja sekarang ni." Suffian memujuk Adelia.

"Habis, Kak Amanda?" Adelia memandang Suffian di depannya.

"Esok boleh jumpa dia. Adik tu, lebih abang risau. *Mood* tak stabil. Esok kelas pagi pukul berapa ni?" Suffian masih memujuk Adelia.

"Lapan pagi. Cepatlah hantar balik. Kalau tak, adik merajuk lagi. Tak nak balik rumah lagi. Padan muka abang. Nak buli siapa nanti? *Bibik?*"

Adelia meneruskan langkah masuk ke dalam banglo dan menuju ke ruang makan. Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal telah sedia menanti di meja makan.

"Mama, *daddy*, abang ni janji nak hantar adik balik. Main-main. Nak pergi dating dengan Kak Amanda pula!" Sengaja Adelia mengumpan Datin Hanim dan Datuk Aman Zainal agar memarahi Suffian.

"Fian, bukan ke dah janji nak hantar adik? Nak dating pula?" Datin Hanim memandang Suffian yang baru tiba di meja makan. Suffian duduk menjeling Adelia yang sengaja membiarkan dirinya menerima leteran daripada Datin Hanim.

"Hantar adik balik tu. Esok ada kelas pagi kan?" Datuk Aman Zainal berkata perlahan.

"Mama dan *daddy* percayalah cakap adik tu. Siapa yang nak dating?"

"Eleh, tadi bukan main lagi. *I love you, I miss you*. I tak boleh hidup tanpa jumpa you!" Adelia menjelir lidahnya kepada Suffian.

"Adik! Tak baik buat abang macam tu!" Datin Hanim menegur perbuatan Adelia.

"*Sorry*, mama. Abang cepatlah makan. Sejuk nanti sup *bibik* buat tu. Kan *daddy* kan?" Adelia meminta sokongan Datuk Aman Zainal. Datuk Aman Zainal hanya tersenyum.

"NI mesti Mikhael sibuk cari adik ni. Tu sibuk nak cepat balik tu. Menyesal tinggalkan *handphone* tengah hari tadi kan?"

Suffian mula memandu keluar dari kawasan banglo.

"Yalah. Takkan orang tu saja yang angau dengan tunang!" Adelia membalas kata-kata Suffian.

Suffian tersenyum, dirinya sedar kehadiran Amanda sebagai tunangnya sedikit sebanyak menimbulkan cemburu dalam hati Adelia. Begitu juga dengan hadirnya Mikhael di dalam hidup Adelia, Suffian sentiasa resah memikirkan keselamatan adik kesayangannya itu.

"Esok-esok kalau dah kahwin mesti lupakan adik terus. Kak Amanda tu kan cantik, seksi, lemah lembut." Adelia masih belum puas meresahkan Suffian.

"Kasih sayang abang kat adik tak pernah berubah. Adik tu aje yang abang risau, takut lupakan abang, mama dan *daddy* kalau..." Suffian berhenti di situ.

"Kalau apa? Adik kembali ke pangkuan keluarga kandung adik? Abang mesti suka. Tak ada sesiapa yang nak susahkan abang lagi kan?"

“Adik! Cakap bukan-bukan lagi, abang turunkan adik kat tepi jalan.” Nada suara Suffian berubah tinggi.

“Abang memang tak sayangkan adik. Berhenti kat depan tu. Adik ambil teks!”

“Betul ke drama ni? Aduhai, mujur ada adik sorang sahaja. Kalau tak, pening kepala abang.” Nada suara Suffian kembali lembut.

Suffian mengimbas kenangan ketika dia berusia tujuh tahun. Mama dan *daddy* membawa pulang seorang bayi perempuan ke banglo mereka. Pasti Suffian orang yang paling gembira kerana tidak lagi kesunyian. Kebosanan mama juga telah terubat dengan kehadiran bayi tersebut yang diberi nama Adelia Saffya. Suffian menyayangi adiknya itu tanpa berbelah bahagi walaupun sedar, Adelia Saffya bukan darah dagingnya.

“Abang!” Adelia menjerit memanggil Suffian. Suffian agak terkejut, lalu memandang Adelia sekilas.

“Abang temankan adik jumpa ibu kandung adik nanti ya?”

Adelia menanti jawapan Suffian. Suffian tersenyum, memandang Adelia yang dilihat tidak keruan sejak mengetahui status dirinya dalam keluarga Datuk Aman Zainal dan Datin Hanim.

“Tapi janji, adik takkan tinggal dengan keluarga kandung adik! Adik tetap adik abang.” Suffian akhirnya menjawab perlahan.

Adelia diam seribu bahasa mendengar jawapan Suffian. Kereta yang dipandu oleh Suffian sampai di apartmen Adelia.

“Nak abang teman naik lif?” Suffian bertanya

lembut.

Adelia menggelengkan kepalanya perlahan. Adelia membuka pintu kereta dan turun dari kereta. Adelia berjalan meninggalkan kereta Suffian. Suffian memerhatikan langkah Adelia yang longlai tidak bermaya. Suffian menurunkan cermin keretanya.

“Adik!” Suffian memanggil Adelia kuat. Adelia berhenti melangkah dan menoleh.

“Ada apa-apa *call* abang!”

Suffian menghadiahkan senyuman manis buat Adelia. Adelia menyambutnya tawar.

Langkah Adelia diteruskan menuju ke lif dengan hati yang masih tidak tenang. Adelia masuk ke dalam lif, meninggalkan Suffian yang masih setia memerhatikan adiknya itu dari jauh.

Masuk sahaja di dalam apartmen, Adelia terus masuk ke dalam bilik dan tidak mengendahkan rakan-rakan serumahannya yang sedang menonton televisyen. Teman sebiliknya, Tina sedang asyik membelek telefon bimbit.

“Balik dating *still* monyok?” Tina memandang Adelia sesaat.

“Balik rumahlah.” Adelia menjawab pendek.

Adelia mencapai telefon bimbitnya di atas katil. Telefon bimbit yang dimatikan sejak semalam dihidupkan kembali. Seperti diduga, terdapat panggilan yang tidak dijawab daripada mama, Abang Suffian dan tentunya daripada Mikhael. Tidak ketinggalan panggilan daripada teman baiknya, Suraya. Adelia membaca nota ringkas melalui aplikasi WhatsApp yang dihantar oleh Mikhael.

Hatinya berbelah bahagi untuk menelefon Mikhael kembali atau tidak.

Syed Mikhael! Syed Mikhael! Syed Mikhael! Lelaki berusia 23 tahun itu merupakan pelajar tampan kegilaan ramai. Berbekalkan status sebagai anak Tan Sri, Syed Mikhael Tan Sri Syed Mustapha tentunya mempunyai pakej lengkap sebagai seorang lelaki idaman. Sebagai lelaki metroseksual, Syed Mikhael menjaga penampilan dirinya cukup rapi sekali, dengan pakaian berjenama dan diakhiri dengan kereta sport mewah yang tentunya daripada keluarga. Adelia tidak mengetahui sama ada dirinya bertuah atau tidak menjadi pilihan Mikhael.

Dalam usianya baru menginjak 21 tahun, Adelia sedar masih terlalu awal bagi dirinya mempunyai pasangan hidup. Mama tidak membantah apabila Adelia memberitahu mempunyai teman istimewa di kampus, begitu juga dengan *daddy*. Namun ia tidak disenangi Abang Suffian. Abang Suffian memberikan alasan Adelia masih terlalu muda untuk berpacaran, lebih-lebih lagi dengan lelaki pujaan ramai seperti Mikhael. Adelia masih teringat bagaimana Abang Suffian kurang senang dengan hubungannya bersama Mikhael.

“Siapa Mikhael?”

Suffian tiba-tiba muncul sewaktu Adelia memperkatakan tentang Mikhael kepada Datin Hanim. Adelia tersenyum kelat ketika itu. Datin Hanim sekadar tersenyum mendengar respons tidak menggembirakan daripada Suffian.

“Kawan adik di kampus. Biarlah mereka berkawan.” Datin Hanim menjawab bagi pihak Adelia.

“Nama penuh? Bawa dia jumpa abang!” Suffian

seakan-akan memberi arahan.

“Syed Mikhael Tan Sri Syed Mustapha. Adik kawan saja. Bukan apa-apa pun. Buat apa bawa jumpa abang? Abang ni suka fikir bukan-bukan.” Adelia berkata perlahan.

“Syed Mikhael? Anak Tan Sri Syed Mustapha? Bukan buaya ke budak tu, mama?” Suffian bertanya kepada Datin Hanim spontan.

“Isy, manalah mama tau. Fian yang berurusan dengan kawan-kawan *daddy*.” Datin Hanim menjawab jujur.

Adelia mengerutkan wajahnya, tanda tidak setuju dengan kata-kata Suffian. Apa yang Adelia ketahui, selama setahun berada di kampus, Mikhael tidak mempunyai teman wanita, biarpun ramai yang mengejanya. Sewaktu Mikhael mendekatinya, status Mikhael juga solo.

“Dah kenal dia setahun. Dia tak ada *girlfriend* pun. Salahkah adik berkawan dengannya?” Adelia bersuara mempertahankan pendiriannya.

“Berkawan tu tak salah. Bawalah jumpa abang. Abang bukan percaya sangat anak-anak Tan Sri ni. Tak tau sejauh mana ikhlasnya berkawan dengan perempuan.” Suffian meneruskan hujahnya.

“Ala, abang pun anak Datuk, tapi okey, kan? Ikhlas dengan Kak Amanda.” Adelia terus mempertahankan Mikhael.

“Abang lain. Lelaki sejati. Bukan *typical Malay man* yang menjadikan perempuan barang mainan. Betul tak mama?” Suffian ketawa. Begitu juga dengan Datin Hanim. Cuma Adelia yang tidak ketawa.

Peristiwa Abang Suffian meragui keikhlasan

Mikhael itu telah setahun berlalu. Ternyata tekaan Abang Suffian terhadap Mikhael meleset. Mikhael tidak curang dan tidak berfoya-foya dengan perempuan lain seperti tekaan Abang Suffian. Setahun menerima kehadiran cinta Mikhael, menyempurnakan kehidupan Adelia yang telah bahagia bersama mama, *daddy* dan Abang Suffian. Adelia Saffya dan Syed Mikhael merupakan pasangan popular di kampus yang hangat diperkatakan. Siapa tidak mengenali Syed Mikhael, gadis mana di kampus yang tidak menggilainya, dan lelaki mana di kampus yang tidak mencemburuinya.

Adelia membaringkan badannya di katil. Tina menjelingnya sejenak.

"Macam ada masalah saja! Kau kenapa?" Tina akhirnya rimas melihat Adelia yang keresahan itu.

Adelia tidak menjawab soalan Tina serta-merta. Otaknya ligat berfikir sama ada mampu mempercayai teman sebiliknya itu atau tidak.

"Ah, belum masanya aku berkongsi masalah dengan sesiapa." Hati Adelia berbisik perlahan.

"Gaduh dengan abang aku saja. Mama pula sebelahkan abang." Adelia membohongi Tina.

"*Ekh!* Gaduh? Kau kan adik kesayangan abang kau tu. Siapa? Namanya?" Tina seperti tidak puas hati dengan jawapan Adelia.

"Abang Suffian. Biasalah, sejak dia bertunang ni, *busy* memanjang. Dah tak pedulikan aku." Adelia terus-terusan mencipta cerita bagi membohongi teman sebiliknya itu. Tina ketawa.

"Dah dia ada tunang, haruslah dia *busy*. Takkan beri tumpuan kat kau kut? Tak sesuailah." Tina ketawa lagi.

Tina keluar dari bilik. Kini tinggal Adelia keseorangan. Ingatannya kembali lagi kepada Mikhael kekasihnya. Apa reaksi Mikhael jika mengetahui status dirinya? Perlukah dia merahsiakan perkara ini daripada Mikhael? Hati Adelia semakin resah. Sudikah Mikhael mempunyai kekasih seorang perempuan yang belum tentu asal keturunannya? Adelia merenung skrin telefon bimbitnya. Hatinya berbelah bahagi sama ada mahu menghubungi Mikhael atau tidak.